

**KAJIAN KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT
KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA KILANG**

SITI NURUL ATIKAH BINTI ZABIDI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganuerahan ijazah
Sarjana Pengurusan Aset dan Fasiliti

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2022

DEDIKASI

Dedikasi kepada Bonda tersayang, Rabiah Bt Alias,
Adik-beradik dan keluarga tersayang
Yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan,

Buat Dr Zafirah Binti Ab Miun
Jasa dan ajaranmu amat bernilai

Buat rakan-rakan sepejuangan,
Yang sentiasa berkongsi pahit dan manis bersama.

Dan juga Nur Ezzaty Nadia Bt Mohd Hashim,
Terima kasih kerana sentiasa memberi semangat dan nasihat semasa proses
menyiapkan tesis ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana limpah rahmat dan kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana ini. ini merupakan satu pengalaman yang amat berharga kepada saya untuk mempelajari, berbincang dan berkongsi ilmu sepanjang tempoh pembelajaran Sarjana Pengurusan Aset dan Fasiliti ini. Banyak rintangan dan dugaan yang saya tempohi sepanjang saya menghasilkan tesis ini. Namun, dengan bantuan dan tunjuk ajar yang diperolehi, akhirnya penulisan ini dapat disiapkan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada Dr. Zafirah binti Ab Muin selaku penyelia, beliau telah banyak membantu dan memberi bimbingan serta tunjuk ajar supaya projek ini dapat disiapkan pada waktunya. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada penilai projek ini di atas penilaian yang telus dan pandangan-pandangan membina yang telah diberikan.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuang yang turut sama membantu menyumbangkan pandangan dan memberi nasihat dan semangat kepada saya dalam usaha menyiapkan projek ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Dalam era globalisasi ini, Malaysia semakin maju kehadapan dan sumber manusia adalah tulang belakang dalam penentuan semua kejayaan yang dicapai. Justeru, perkara yang paling perlu dititikberatkan ialah berhubung dengan soal keselamatan dan kesihatan para pekerja. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja kilang. Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah isu yang penting di dalam sektor perindustrian termasuk sektor perkilangan. Hal ini kerana, statistik menunjukkan peningkatan jumlah kemalangan yang berlaku semasa di tempat kerja bagi sektor perkilangan. Oleh itu, kajian ini dilakukan terhadap pekerja-pekerja kilang Kawasan Taman universiti, Skudai, Johor. Kajian ini menggunakan responden yang dipilih secara rawak daripada beberapa kilang di Kawasan Taman Universiti. Penggunaan borang soal selidik adalah instrument utama kajian. Penganalisisan data terhadap tahap kesedaran adalah dengan menggunakan skor min manakala untuk menganalpasti perkaitan antara faktor demografik dan tahap kesedaran adalah dengan menggunakan ujian Khi kuasa dua (*Chi Square*). Hasil kajian mendapati tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja kilang adalah pada aras kesedaran tinggi dengan nilai min skor keseluruhan 4.375 dan tiada perkaitan antara faktor demografik dan tahap kesedaran. Keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa tahap kesedaran pekerja kilang adalah pada tahap tinggi dan kajian ini adalah penting untuk mengurangkan kemalangan dalam kalangan pekerja kilang.

ABSTRACT

In an era of globalization, Malaysia has progressed ahead, and human resources are the backbone of determining success. Thus, the most to be considered is the safety and health of workers. The purpose of this study is to identify the level of safety and health awareness among factory workers. Safety and health at work is an important issue in the industrial sector including the manufacturing sector. This is because statistics show an increase in the number of accidents that occur while at work for the manufacturing sector. Therefore, this study was conducted on factory workers in Taman Universiti, Skudai, Johor. This study uses randomly selected respondents from several factories in the Taman Universiti. The use of questionnaires is the main instrument of the study. Data analysis on the level of awareness is by using the mean score while to identify the relationship between demographic factors and the level of awareness is by using the Chi Square test. The results of the study found that the level of safety and health awareness of factory workers is at a high level of awareness with a mean overall score of 4.375 and there is no correlation between demographic factors and the level of awareness. Overall, it can be stated that the awareness level of factory workers is at a high level and this study is important to reduce accidents among factory workers.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.7.1	Sektor Perkilangan	8
1.7.2	Akademik	8
1.8	Metodologi Kajian	9
1.8.1	Peringkat Pertama (Pengenalan kepada Bidang Kajian)	9
1.8.2	Peringkat Kedua (Pengumpulan Data)	9
1.8.3	Peringkat Ketiga (Analisis dan Penemuan Kajian)	10
1.8.4	Peringkat Keempat (Kesimpulan dan Cadangan)	10
1.9	Susun Atur Bab	12

1.9.1	Bab 1 : Pendahuluan	12
1.9.2	Bab 2 : Kajian Literatur	12
1.9.3	Bab 3 : Metodologi Kajian	12
1.9.4	Bab 4 : Pengumpulan Data dan Analisis	13
1.9.5	Bab 5 : Kesimpulan dan Cadangan	13
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep Keselamatan dan Kesihatan	15
2.3	Teori Kemalangan Tempat Kerja	16
2.3.1	Teori Domino Heinrich (1931)	16
2.3.1.1	Persekutaran Sosial dan Keturunan	18
2.3.1.2	Tingkahlaku dan Situasi Berbahaya	18
2.3.1.3	Kejadian Kemalangan	18
2.3.1.4	Kecederaan	19
2.3.2	Teori Domino – Frank Bird Jr. (1966)	19
2.3.2.1	Kekurangan Pengawasan Pihak Pengurusan	20
2.3.2.2	Punca Asas	20
2.3.2.3	Punca Serta-Merta	21
2.3.2.4	Hubungan Kejadian	21
2.3.2.5	Manusia dan Kehilangan	22
2.3.3	Teori Domino – Dennis Aloysius Weaver (1971)	22
2.3.4	Teori Domino – Edward Adams (1976)	23
2.4	Perundangan Berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	24
2.4.1	Akta Kilang dan Jentera 1967 (FMA)	25
2.4.2	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP)	25
2.4.3	Tujuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP)	26
2.5	Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja	27
2.5.1	Kajian Dalam Negara	27

2.5.2	Kajian Luar Negara	29
2.6	Kesimpulan	31
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	33
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Lokasi Kajian	34
3.4	Persampelan Kajian	34
3.4.1	Penentuan Saiz Sampel	34
3.4.2	Teknik Persampelan Data	35
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	36
3.5.1	Data Primer	36
3.6	Kaedah Kaji selidik	36
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	36
3.7.1	Analisis Deskriptif	37
3.7.2	Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2)	38
3.8	Kesimpulan	39
BAB 4	ANALISIS DATA	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Latar Belakang Responden	41
4.3	Analisis Data Bagi Objektif Kajian	44
4.3.1	Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kilang	44
4.3.1.1	Taburan Kekerapan Tahap Kesedaran Penggunaan Alatan dan Mesin	44
4.3.1.2	Taburan Kekerapan Tahap Kesedaran Mencegah Kejatuhan	46
4.3.2	Perkaitan antara Faktor Demografik dan Tahap Kesedaran	48
4.4	Rumusan	50
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	53
5.1	Pengenalan	53

5.2	Perbincangan Hasil Kajian	53
5.2.1	Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan dalam Kalangan Pekerja Kilang di Taman Universiti, Skudai.	54
5.2.2	Perkaitan antara Faktor Demografik dan Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan	55
5.3	Limitasi Kajian	57
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	58
5.5	Kesimpulan	58
RUJUKAN		59

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Statistik Kemalangan di Sektor Perkilangan 2019-2021	4
Jadual 3.1	Kaedah Penganalisisan Data	37
Jadual 3.2	Tahap Skor bagi Min	38
Jadual 3.3	Tahap Signifikan Perkaitan	39
Jadual 4.1	Taburan Responden bagi Data Demografik	43
Jadual 4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Penggunaan Alatan dan Mesin	45
Jadual 4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Mencegah Kejatuhan di Tempat Kerja	47
Jadual 4.4	Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2) antara Jantina Terhadap Tahap Kesedaran Responden	48
Jadual 4.5	Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2) antara Kelompok Umur Terhadap Tahap Kesedaran Responden	49
Jadual 4.6	Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2) antara Tahap Pendidikan Terhadap Tahap Kesedaran Responden	50
Jadual 4.7	Hasil Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif	51

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	11
Rajah 2.1	Struktur Teori Domino Heinrich (1931) (Sumber: OSHA (Roughton 2003))	17
Rajah 2.2	Struktur Teori Domino Frank Bird Jr. (1966) (Sumber: OSHA (Roughton 2003))	20
Rajah 2.3	Struktur Teori Domino D.A. Weaver (1971) (Sumber: OSHA (Roughton 2003))	23

SENARAI SINGKATAN

- | | |
|------|---|
| AKKP | - Akta Keselamatan dan Kesihatan |
| FMA | - Akta Kilang dan Jentera |
| SPSS | - <i>Statistical Package For Social Science</i> |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sektor pengkilangan dan pembuatan Malaysia terus memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi negara. Sumbangannya kepada hasil eksport negara dan penciptaan pekerjaan memastikan pertumbuhan negara walaupun ekonomi global tidak menentu. Keutamaan akan kekal untuk menghasilkan lebih banyak produk bernilai tambah tinggi, pelbagai dan kompleks, terutamanya dalam subsektor pemangkin, iaitu elektrik dan elektronik (E&E), mesin dan peralatan (M&E), serta bahan kimia dan produk kimia. Dua lagi subsektor pertumbuhan berpotensi tinggi, iaitu aeroangkasa dan peranti perubatan juga akan diteruskan.

Pembangunan kumpulan bakat dan Industri 4.0 kekal sebagai bidang tumpuan utama sektor pembuatan Malaysia, menggiatkan semula banyak industri matang dan membuka peluang baharu untuk sektor lain. Syarikat digalakkan untuk meningkatkan produktiviti mereka dengan mempercepatkan automasi dan inovasi, menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C), melaksanakan amalan pengeluaran hijau dan mampan, dan memanfaatkan persatuan industri dalam berkongsi amalan terbaik.

Bangunan kilang merupakan satu kemestian dalam industri perkilangan dan pembuatan. Ini disebabkan oleh fakta bahawa semua proses pemprosesan dan pembuatan haruslah dilakukan di dalam sebuah bangunan yang menyediakan segala perkakas dan keperluan untuk industri tersebut. Akibatnya, tahap keselamatan di kilang untuk industri ini adalah berada dalam keadaan kritikal dan ia harus diutamakan dalam pengurusan. Akibatnya, untuk mengurangkan kos sambil

meningkatkan kualiti dan produktiviti industri ini, langkah keselamatan dan kesihatan mesti dilaksanakan.

Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah pertimbangan kritikal yang mesti ditekankan, terutamanya apabila buruh berisiko tinggi terlibat, seperti dalam sektor perindustrian, perladangan, pertanian dan lain-lain. Pekerja terdedah kepada pelbagai bahaya, terutamanya apabila menggunakan mesin dan bahan kimia dalam sektor pembuatan dan perkilangan.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), 2 juta orang mati setiap tahun akibat kemalangan dan penyakit pekerjaan. Sektor perlombongan, pembinaan, pertanian dan lain-lain yang berisiko tinggi ialah empat spesifikasi bidang yang menyumbang kepada kemalangan dan kecederaan di tempat kerja di Asia (Awaji and Teranishi 2006).

Tambahan pula, ILO percaya bahawa bagi setiap kematian yang direkodkan di seluruh dunia, hampir 2400 pekerja perlu mengambil cuti atau akan diberi cuti, 5,000 orang akan memerlukan bantuan kecemasan, dan mereka yang hampir terlibat dalam kemalangan akan menjelaskan hampir 79,000 orang. Kos kecederaan dan penyakit di tempat kerja ini dianggarkan antara tiga dan empat peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurut Statistik Jabatan Perangka Malaysia (2017), sektor Pembuatan dan perkilangan telah mengajikan 2,214,883 orang dengan gaji dan upah berjumlah RM74.9 bilion. Dengan 25.1 peratus iaitu seramai (556,149 orang), subsektor produk Elektrik, elektronik dan optik mendahului, diikuti subsektor Petroleum, kimia, getah dan produk plastik 17.7% iaitu seramai (391,763 orang), dan Bukan- subsektor keluaran seperti mineral logam, logam asas dan keluaran logam fabrikasi (15.9%) dengan mencatat seramai (352,151 orang). Hal ini menunjukkan, sektor perkilangan dan pembuatan adalah antara sektor utama di Malaysia. Oleh itu, keselamatan dan kesihatan di dalam sektor perkilangan dan pembuatan perlu diberi perhatian lebih bagi memastikan pekerja-pekerja mendapat manfaat yang sepatutnya sewaktu bekerja.

Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja harus diutamakan bukan sahaja dalam industri pembinaan, tetapi juga dalam industri berisiko tinggi yang lain. Mengikut seksyen 30 (1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994, setiap firma yang mempunyai 40 atau lebih pekerja mesti membentuk jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Peruntukan ini juga diguna pakai oleh sektor-sektor yang lain seperti sektor perkilangan dan pembuatan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terdapat banyak negara yang telah lama mengamalkan pengurusan dan pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dalam kedua-dua sektor awam dan swasta, pelbagai jabatan telah ditubuhkan untuk menjalankan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Walau bagaimanapun, bilangan kemalangan dan kecederaan masih berada ditahap yang tidak memuaskan. Perkilangan adalah salah satu industri di mana keselamatan dan kesihatan tempat kerja menjadi perhatian.

Pekerja adalah merupakan pihak yang terlibat dalam kemalangan di tempat kerja. Oleh itu, mereka haruslah memainkan peranan yang penting dalam kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan semasa di tempat kerja. Menurut (Dessler 2008), pekerja haruslah bertanggungjawab k atas keselamatan mereka sendiri semasa di tempat kerja dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di Malaysia telah menetapkan peraturan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Selain itu, Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH) telah ditubuhkan pada tahun 1992 untuk menyediakan perkhidmatan berkaitan keselamatan dan kesihatan di Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan pekerja untuk mematuhi etika keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan harus sedar akan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Jadual 1.1 dibawah menunjukkan statistik kemalangan yang dialami semasa ditempat kerja dari sektor perkilangan dan pembuatan di Malaysia. Sektor ini menjadi yang kedua terbesar selepas sektor pembinaan. Statistik jumlah kemalangan menunjukkan kenaikan dan penurun jumlah kehilangan upaya dan kematian di tempat kerja. Walaupun terdapat penurunan pada statistik kemalangan tersebut, namun begitu jumlah tersebut masih berada dalam keadaan tidak memuaskan jika dibandingkan dengan sektor yang lain.

Jadual 1.1 Statistik Kemalangan di Sektor Perkilangan 2019-2021

Kategori Kemalangan	Tahun	Bilangan Mangsa
Hilang Upaya	2019	182
	2020	231
	2021	206
Kematian	2019	59
	2020	73
	2021	48

Sumber: (“Jabatan Perangkaan Malaysia,” 2021)

Bagi kategori kemalangan yang melibatkan kehilangan upaya, seramai 182 orang mangsa yang terlibat pada tahun 2019, jumlah ini semakin meningkat kepada 231 orang mangsa pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2020. Walaupun, berlaku penurunan pada tahun seterusnya iaitu seramai 206 orang mangsa tetapi hal ini masih berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Hal ini menunjukkan peningkatan jumlah kemalangan yang mendadak dan penurunan yang terlalu sedikit.

Seterusnya, jadual diatas menunjukkan statistik kemalangan jiwa yang berlaku pada tahun 2019 hingga tahun 2021. Didapati statistik tersebut menunjukkan peningkatan dan penurunan. Jumlah kematian akibat kemalangan dalam sektor perkilangan pada tahun 2019 adalah seramai 59 orang mangsa. Jumlah ini telah meningkat pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 2020 dan mencatatkan seramai 73 orang mangsa yang terlibat dalam kemalangan yang membawa kepada

kematian semasa di tempat kerja. Kadar kematian ini menurun kepada 48 orang mangsa pada tahun 2021. Meskipun terdapat penurunan pada kadar kemalangan yang melibatkan kematian, namun jumlah tersebut masih berada dalam tahap tidak memuaskan.

Pelbagai perkara perlu dititik beratkan bagi memastikan sesuatu sektor dapat berjalan dengan lancar, terutamanya dari segi keselamatan dan kesihatan pekerja semasa di tempat kerja. Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim, kadar kemalangan di tempat kerja menunjukkan penurunan pada tahun 2020. Hal ini disebabkan oleh ekoran Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan pada 18 mac 2020. Namun begitu, perkara ini perlu diambil berat bagi memastikan kadar kemalangan menunjukkan penurunan pada setiap tahun (Berita Harian, 2021)

1.3 Pernyataan Masalah

Isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah perkara biasa di Malaysia. Industri pembuatan mempunyai kadar kemalangan yang tidak memuaskan. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia menunjukkan bahawa sektor perindustrian merupakan salah satu penyumbang paling ketara kepada kemalangan di tempat kerja.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), menunjukkan kadar kemalangan dan kecederaan pekerja di dalam sektor perkilangan adalah sebanyak 4269 pada tahun 2021. Dari jumlah keseluruhan, seramai 206 orang mangsa telah dicatatkan dalam kategori kemalangan yang menyebabkan kehilangan upaya dan seramai 48 orang mangsa telah dicatatkan telah terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kematian. Kadar statistik tersebut menunjukkan penurunan ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang telah berkuatkuasa pada 18 mac 2020. Namun begitu, kadar kemalangan yang berlaku di sektor perkilangan masih berada pada tahap yang membimbangkan kepada semua pihak. Hal ini menunjukkan tahap kesedaran keselemanan dan kesihatan berada di tahap yang rendah.

Pekerja yang berkelakuan buruk adalah merupakan salah satu punca utama kemalangan dan kecederaan di tempat kerja. Pekerja yang enggan menggunakan peralatan keselamatan dengan betul di tempat kerja kerana mereka takut diklasifikasikan sebagai feminis atau lemah. Terdapat juga kakitangan yang sengaja mencetuskan kemalangan untuk menerima pampasan atas kecederaan mereka. Ini menunjukkan bahawa pekerja kadangkala mengabaikan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sebaliknya mengeksplotasi mereka untuk kepentingan peribadi (Lingard and Rowlinson 2004).

Kemalangan di tempat kerja juga berpunca daripada kecuaian. Kebanyakkan kemalangan juga adalah berkait dengan aspek manusia yang lali semasa melakukan sesuatu tugas (Khan, Yusof et al. 2005). Kemalangan di tempat kerja berpunca daripada hilang tumpuan semasa menyelesaikan tugas yang diberikan. Isu peribadi, beban kerja dan ketidakpastian peranan adalah antara sebab yang mendorong pekerja hilang fokus (Reese 2009). Pekerja haruslah mengelakkan jenis tindakan berisiko ini.

Pekerja bukan warganegara juga terlibat dalam kemalangan. Pekerja asing bekerja di hampir setiap industri di Malaysia termasuklah perkilangan malah kemalangan yang melibatkan pekerja warga asing adalah perkara biasa. Pekerja bukan warganegara atau pekerja asing adalah 10 kali lebih berkemungkinan daripada pekerja tempatan untuk terlibat dalam kemalangan di tempat kerja, manakala pekerja asing yang dilahirkan di negara ini adalah dua kali ganda berkemungkinan untuk terlibat dalam kemalangan (Salminen 2011). Oleh itu, hubungan antara tahap kesedaran keselamatan pekerja asing dan tempatan harus dikaji untuk mengurangkan kesan kemalangan dengan menyediakan alternatif keselamatan kepada warga asing dan juga tempatan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap kesedaran pekerja terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan?
- ii. Adakah terdapat perkaitan antara faktor demografik (jantina, umur dan tahap pendidikan) dan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kesedaran pekerja terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- ii. Mengenalpasti perkaitan antara faktor demografik (jantina, umur dan tahap pendidikan) dan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian untuk mengenalpasti kesedaran pekerja terhadap aspek keselamatan di tempat kerja. Kajian ini melibatkan pekerja-pekerja kilang. Oleh itu, responden kajian adalah terdiri daripada pekerja kilang warganegara dan bukan warganegara yang terlibat dalam sektor perkilangan. Kajian menjurus kepada kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan menggunakan peralatan dan mesin dan kejatuhan. Industri perkilangan sangat terdedah kepada isu kemalangan dan kesihatan yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan kepada pekerja.

Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh mana para pekerja sedar terhadap isu keselamatan ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah melibatkan pelbagai aspek iaitu perkilangan dan akademik. Berikut adalah anatara kepentingannya:

1.7.1 Sektor Perkilangan

Hasil kajian yang dilakukan ke atas pekerja -pekerja kilang ini dapat membantu pengusaha kilang serta organisasinya dalam memastikan tahap keselamatan dan kesihatan dalam kilang lebih teratur dan efisyen. Selain itu, pihak pengurusan juga dapat mengambil Langkah-langkah berjaga dalam meningkatkan tahap kesedaran pekerja tentang keselamatan mereka semasa di tempat kerja. Hal ini juga dapat mengurangkan kadar kemalangan dalam kalangan pekerja. Seterusnya, Teknik yang betul untuk menangani isu keselamatan di tempat kerja boleh disemak oleh pihak yang berkaitan. Tambahan pula, sekiranya berlaku kemalangan di tempat kerja, kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh syarikat-syarikat swasta dan juga kerajaan.

1.7.2 Akademik

Dari sudut penyelidikan, kajian ini penting kerana ia menggalakkan penyelidik untuk mengetahui lebih lanjut tentang bagaimana pengetahuan pekerja mempengaruhi tahap keselamatan dan kesihatan mereka. Tambahan pula, kajian ini menggunakan idea dan tindakan yang relevan dalam bidang keselamatan dan kesihatan, dengan tumpuan kepada kesedaran responden. Pelajar lain mungkin menggunakan kajian ini sebagai rujukan untuk meneruskan penyelidikan keselamatan mereka, terutamanya mereka yang bekerja dalam industri pembuatan.

1.8 Metodologi Kajian

Prosedur kajian ini merangkumi pelbagai Langkah, termasuk mengenalpasti masalah, kajian literatur, pengumpulan data, analisis data, kesimpulan dan cadangan, yang kesemuanya diselesaikan secara berperingkat.

1.8.1 Peringkat Pertama (Pengenalan kepada Bidang Kajian)

- i. Menentukan masalah yang wujud sebagai tujuan kajian
- ii. Menetapkan objektif yang ingin dicapai dari kajian yang dilakukan
- iii. Menetukan skop kajian
- iv. Menjelaskan kepentingan kajian

Pengumpulaan maklumat adalah melalui bahan rujukan seperti jurnal, artikel, keratan akhbar dan bahan -bahan penulisan lain.

1.8.2 Peringkat Kedua (Pengumpulan Data)

Pengumpulan data adalah elemen penting dalam mana-mana projek penyelidikan. Bahan untuk kajian ini akan dikumpul adalah secara borang soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data dari responden kajian.


Data juga dikumpul melalui bahan bacaan jurnal, artikel, buku, laporan akhbar dan kertas seminar yang berkaitan. Ini berfungsi untuk mengukuhkan masalah yang ingin dikaji di samping berfungsi sebagai maklumat rujukan kepada penulis.

1.8.3 Peringkat Ketiga (Analisis dan Penemuan Kajian)

Langkah ini menuntut penulis untuk menumpukan perhatian kepada tugas menganalisis maklumat yang dikumpul sepanjang proses pengumpulan data. Semua maklumat yang dikumpul akan diteliti menggunakan teknik deskriptif. Ini akan membantu penulis mendapatkan dapatan kajian.

1.8.4 Peringkat Keempat (Kesimpulan dan Cadangan)

Ini merupakan peringkat akhir, di mana penulis membuat kesimpulan dan membuat cadangan masa hadapan yang sesuai berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan dan objektif kajian. Carta alir teknik kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.1



Rajah 1.1 Carta Alir Metodologi Kajian

1.9 Susun Atur Bab

Secara amnya, kajian ini merangkumi lima bab iaitu:

1.9.1 Bab 1 : Pendahuluan

Bab ini adalah penegenalan kepada kajian yang ingin dilakukan, dimana ia merangkumi perkara seperti pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi dan susun atur bab.

1.9.2 Bab 2 : Kajian Literatur

Bab ini melihat bagaimana cabaran keselamatan telah berkembang, serta kesihatan pekerja dan pengetahuan tentang keperluan keselamatan di tempat kerja. Bab ini juga merangkumi penerangan terperinci tentang Teori Domino. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) dan pengertian keselamatan dan kesihatan turut diliputi dalam bab ini. Bab ini juga akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang faktor keselamatan di tempat kerja berdasarkan kajian terdahulu yang dijalankan di dalam dan di luar negara berhubung dengan keselamatan di tempat kerja.

1.9.3 Bab 3 : Metodologi Kajian

Kaedah pengumpulan data akan diterangkan dalam bab ini, dan data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif. Tujuan kajian kes adalah untuk melihat sejauh mana pekerja sedar tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

1.9.4 Bab 4 : Pengumpulan Data dan Analisis

Bab ini membincangkan analisis data berdasarkan hasil pengedaran soal selidik. Dapatkan analisis akan dikumpul dan diterangkan dalam susunan logik untuk pemahaman yang mudah. Maklumat yang dikumpul akan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dalam SPSS. Analisis dilakukan berdasarkan hasil borang soal selidik yang telah diedarkan.

1.9.5 Bab 5 : Kesimpulan dan Cadangan

Bab terakhir ini menggabungkan kesemua penemuan hadil dari analisi kajian ini. Selain itu, kesimpulan keseluruhan terhadap kajian ini akan dibincangkan melalui bab ini.

RUJUKAN

- Ahmad Mahdzan, A. (2015). "Kaedah penyelidikan sosioekonomi." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awaji, T. and S. i. Teranishi (2006). The state of environment in Asia: 2005/2006, Springer Science & Business Media.
- Bohle, P. and M. Quinlan (2000). Managing occupational health and safety: A multidisciplinary approach, Macmillan Education AU.
- Dessler, G. (2008). Human resource management. Upper Saddle River, NJ, Pearson Prentice Hall.
- Fink, A. (2003). How to design survey studies, Sage.
- Fowler Jr, F. J. (1993). Applied social research methods series. Survey research methods.
- Healey, J. F. (2015). The essentials of statistics: A tool for social research, Cengage Learning.
- 'Human Resource Management' provides a comprehensive review of personnel management concepts and practices, focusing on the high-performance organization. It offers practical applications to help managers deal with personnel-related responsibilities.
- Jamaludin, M. R. (2010). Hubungan Antara Kesedaran Tentang Keselamatan di Tempat Kerja dan Prestasi Kerja. , Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamaludin, M. R. (2010). Hubungan Antara Kesedaran Tentang Keselamatan di Tempat Kerja dan Prestasi Kerja. , Universiti Teknologi Malaysia.
- Khan, M. K. J., et al. (2005). Keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam organisasi, Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Krejcie, R. "dan Morgan, DW (1970). Determining sample size for research activities." Educational and Psychological Measurement **30**(3): 608.
- Lingard, H. and S. Rowlinson (2004). Occupational health and safety in construction project management, Routledge.
- Misnan, M. S., et al. (2006). "Isu-isu Semasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan Malaysia."

- Misnan, M. S., et al. (2006). "Isu-isu Semasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan Malaysia."
- Niskanen, T., et al. (2014). "An evaluation of the effects of the occupational safety and health inspectors' supervision in workplaces." *Accident Analysis & Prevention* **68**: 139-155.
- Niskanen, T., et al. (2014). "An evaluation of the effects of the occupational safety and health inspectors' supervision in workplaces." *Accident Analysis & Prevention* **68**: 139-155.
- Nuñez, I. and M. Villanueva (2011). "Safety capital: the management of organizational knowledge on occupational health and safety." *Journal of Workplace Learning*.
- Nuñez, I. and M. Villanueva (2011). "Safety capital: the management of organizational knowledge on occupational health and safety." *Journal of Workplace Learning*.
- Omran, A., et al. (2008). "The implementation of OHSAS 18001 in construction industry in Malaysia." *J Eng (Deva-Rumania)* **4**(3): 157-162.
- Omran, A., et al. (2008). "The implementation of OHSAS 18001 in construction industry in Malaysia." *J Eng (Deva-Rumania)* **4**(3): 157-162.
- Rafiin, M. A. (2005). Keselamatan dan Kesihatan di Malaysia: Kajian Pematuhan Peraturan Syarikat Terpilih. **Universiti Teknologi Malaysia**.
- Rafiin, M. A. (2005). Keselamatan dan Kesihatan di Malaysia: Kajian Pematuhan Peraturan Syarikat Terpilih. **Universiti Teknologi Malaysia**.
- Rawlinson, F. and P. Farrell (2010). "UK construction industry site health and safety management: an examination of promotional web material as an indicator of current direction." *Construction Innovation*.
- Rawlinson, F. and P. Farrell (2010). "UK construction industry site health and safety management: an examination of promotional web material as an indicator of current direction." *Construction Innovation*.
- Reese, C. D. (2009). Occupational health and safety management : a practical approach. Boca Raton, CRC Press.
- Roughton, J. (2003). OSHA 2002 recordkeeping simplified, Butterworth-Heinemann.
- Roughton, J. (2003). OSHA 2002 recordkeeping simplified, Butterworth-Heinemann.

- Sabri, S. M., Samat, S., & Rahim, H. A. (2005). *Tahap Kesedaran Pekerja Terhadap Isu Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja: Di Kalangan Pekerja A.M.E Construction Sdn. Bhd.*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Salminen, S. (2011). "Are immigrants at increased risk of occupational injury? A literature review." *The Ergonomics Open Journal* **4**(1).
- Sorensen, G. and E. Barbeau (2004). Steps to a healthier US workforce: integrating occupational health and safety and worksite health promotion: state of the science. *The National Institute of Occupational Safety and Health Steps to a Healither US Workforce Symposium*. Washington, DC.
- Sorensen, G. and E. Barbeau (2004). Steps to a healthier US workforce: integrating occupational health and safety and worksite health promotion: state of the science. *The National Institute of Occupational Safety and Health Steps to a Healither US Workforce Symposium*. Washington, DC.
- Sudman, S. (1996). "How to conduct your own survey." *JMR, Journal of Marketing Research* **33**(1): 118.
- The second edition of this bestseller continues to provide the basic tenants needed to initiate a comprehensive occupational safety and health initiative. Updated with more than 30percent new and revised material, this volume encompasses a total management approach that deals with the development of written programs, the identification of hazards, the mitigation of hazards by the use of common safety and health tools, the development of a safe workforce through communications, and motivational techniques including behavior-based safety, worker involvement, and stepped up training. More than just a source of information, this book provides practical applications for real world situations.
- Yakubu, D., et al. (2012). "Assessment of Safety and Health Measures (Shassic Method) in Construction Sites." *Advances in Computational Mathematics and Its Applications (ACMA)* **1**(2): 110-118.
- Yakubu, D., et al. (2012). "Assessment of Safety and Health Measures (Shassic Method) in Construction Sites." *Advances in Computational Mathematics and Its Applications (ACMA)* **1**(2): 110-118.
- Yamane, T. (1967). "Statistics, An Introductory Analysis, 1967." New York Harper and Row CO. USA **213**: 25.

Yusof, A. A. and I. Osman (2002). Pengurusan sumber manusia: konsep, isu dan pelaksanaan, Prentice Hall.

Yusof, A. A. and I. Osman (2002). Pengurusan sumber manusia: konsep, isu dan pelaksanaan, Prentice Hall.